







BANDAR

Bandar adalah kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadanan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih; atau ***kawasan pembangunan khusus**; atau pusat pentadbiran daerah walaupun penduduk kurang daripada 10,000 orang dan sekurang-kurangnya 60% penduduknya berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

DEFINISI PERBANDARAN

Perbandaran merupakan 'satu proses perubahan serta penerapan ciri – ciri bandar terhadap sesebuah kawasan dan proses ini akan melibatkan penghijrahan masuk penduduk luar bandar, perubahan aktiviti ekonomi, perkembangan kawasan bandar, pertambahan penyediaan kemudahan perbandaran, perubahan sosial, nilai dan sifat masyarakat tradisional kepada masyarakat moden serta perubahan guna tanah keseluruhannya'.

Sumber: Rancangan Fizikal Negara ke-3 (RFN3), PLANMalaysia, 2016

KAWASAN TEPU BINA BERSEBELAHAN YANG BELUM DIWARTAKAN	BANDAR SEDIA ADA YANG TELAH DIWARTAKAN	KAWASAN PEMBANGUNAN KHUSUS	PUSAT PENTADBIRAN DAERAH
			
Contoh: Bukit Jelutong	Contoh: Shah Alam	Contoh: Puncak Alam, Saujana Utama	Contoh: Lenggong, Yan
> 10,000 PENDUDUK	> 10,000 PENDUDUK	> 10,000 PENDUDUK	< 10,000 PENDUDUK
<ul style="list-style-type: none"> ✓ Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadanan dengannya 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Kawasan pembangunan yang tidak diwartakan dan boleh dikenalpasti serta terpisah dari kawasan yang diwartakan ✓ Kawasan tepu bina melebihi 5 km ✓ 60% daripada penduduk berumur 15 tahun ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pusat pentadbiran daerah ✓ 60% penduduknya berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian. 	



Sumber: Dasar Perbandaran Negara Kedua, PLANMalaysia 2016





HIERARKI BANDAR DI MALAYSIA

Saiz Penduduk >1.5 juta – 3.5 juta

Ibu negeri yang mempunyai pengaruh ekonomi dan pentadbiran yang melepasi sempadan wilayah dan negara. Ia mempunyai pengaruh ekonomi ke kawasan wilayah antarabangsa melebihi ibu negeri yang lain. Ia juga menepati beberapa kriteria Bandar Global.

**BANDAR
GLOBAL**

Saiz Penduduk >3.5 juta

Bandar yang mempunyai kepentingan di dalam sistem ekonomi global yang mempunyai kesemua atau sebahagian besar dari 13 kriteria Bandar Global seperti dinyatakan dalam laporan DPN2.

**BANDAR
WILAYAH**

Tiada Saiz Minimum

Ibu Negeri bagi setiap negeri yang tidak termasuk dalam kategori Bandar Global dan Bandar Wilayah. Fungsi utama adalah sebagai sebuah pusat pentadbiran negeri dan mungkin juga sebagai pusat pertumbuhan ekonomi utama negeri.

**BANDAR
NEGERI**

Saiz Penduduk > 100,000 Orang

Bandar yang berperanan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi yang signifikan dalam sesebuah negeri.

**BANDAR
UTAMA**

Saiz Penduduk 10,000 – 100,000 & Pusat Pentadbiran Daerah (Jika <10,000)

Memberi perkhidmatan perniagaan dan/atau pentadbiran kepada kawasan yang lebih kecil berbanding Bandar Utama.

BANDAR TEMPATAN

Sumber: Dasar Perbandaran Negara Kedua, PLANMalaysia, 2016

314

BANDAR

Meliputi Semenanjung Malaysia,
WP Labuan & Sabah

2 BANDAR
GLOBAL



Kuala Lumpur
Putrajaya

5 BANDAR
WILAYAH



George Town, Kuantan,
Johor Bahru, Labuan,
Kota Kinabalu

8 BANDAR
NEGERI



Kangar, Alor Setar, Ipoh,
Shah Alam, Seremban,
Bandaraya Melaka,
Kuala Terengganu,
Kota Bharu

62 BANDAR
UTAMA



Contoh:
Kulim, Butterworth,
Gombak, Klang, Kulai,
Nilai, Temerloh, Chukai

237 BANDAR
TEMPATAN




Contoh:
Prai, Juru, Jitra, Yan, Puncak
Alam, Bandar Saujana
Utama, Lenggong, Tapah,
Meru, Klebang, Pagoh





KEDUDUKAN

KUALA LUMPUR DALAM INDEKS BANDAR GLOBAL



23

DARIPADA **137** BANDAR

**GLOBAL COMPETITIVENESS
INDEX 2017-2018**

Sumber: *The Global Competitiveness Report 2017-2018, World Economic Forum, 2018*

85

DARIPADA **230** BANDAR

**QUALITY OF LIVING
INDEX IN ASIA 2018**

Sumber: <http://mercer.com/newsroom/2018-quality-of-living-survey.html>

55

DARIPADA **100** BANDAR

**SUSTAINABLE CITIES
INDEX 2016**

Sumber: *Sustainable Cities Index, 2016, Arcadis*

49

DARIPADA **125** BANDAR

**GLOBAL CITIES INDEX
2016**

Sumber: *Global Cities Index 2016, At Keaney*






Tren Pertumbuhan PENDUDUK DI MALAYSIA

PURATA KADAR
PERTUMBUHAN PENDUDUK
TAHUNAN 2015 - 2040

1.67%



SASARAN KADAR Urbanisasi **RFN3**

Kadar Urbanisasi
sebanyak
77%

2020

Kadar Urbanisasi
Tidak Melebihi
85%

2040



Sumber: Data-Data Asas Malaysia, DOSM
Rancangan Fizikal Negara ke-3, PLANMalaysia, 2016

Jumlah Penduduk Bandar & Luar Bandar





Kos Perumahan Yang Semakin Meningkat



Peningkatan 9.8% harga rumah antara tahun 2007-2016 berbanding peningkatan pendapatan isi rumah iaitu hanya 8.3%.

Bagi tempoh 2016-2017, hanya sebanyak 35% daripada isi rumah mampu memiliki rumah berharga melebihi RM250 ribu, dan hanya 24% daripada pembinaan projek perumahan baru adalah berharga kurang RM250 ribu.

Bagi suku ke-2 tahun 2017, hampir 82% unit rumah tak terjual merupakan rumah berharga melebihi RM250 ribu.

Sumber: BNM – S4 2017

Peningkatan Penjanaan Sisa Pepejal



37,000 tan sampah dibuang setiap hari iaitu kira-kira 13.5 juta tan sampah telah dibuang setiap tahun.

Dianggarkan sebanyak RM2.2 billion diperuntukkan setiap tahun bagi mengurus pembuangan sampah.

Sehingga tahun 2016, lebih 85,000 surat peringatan telah dikeluarkan oleh PPSPA kepada pemilik premis yang gagal melaksanakan pengasingan sisa di punca.

Sumber: Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPA), 2017

Peningkatan Penggunaan Sumber Air



Pada tahun 2013, penggunaan air di Malaysia adalah 10 billion liter sehari yang mana penggunaan air di kawasan Lembah Klang sahaja adalah tiga (3) billion liter sehari.

Sumber: Dasar Perbandaran Negara Kedua, PLANMalaysia, 2016

CABARAN DAN ISU Perbandaran Di Malaysia

Peningkatan Kos Sara Hidup di Bandar-Bandar



Terdapat lebih kurang 2.7 juta isi rumah B40 dengan pendapatan purata sebanyak RM 2,537.00 sebulan manakala 2.67 juta isi rumah M40 berpendapatan antara RM 3,855.00 hingga RM 8,135.00 sebulan, yang mana 83.0% daripada jumlah tersebut menetap di bandar-bandar.

Perkara ini menyukarkan mereka untuk memiliki tempat kediaman yang berdekatan dengan tempat bekerja.

Sumber: Dasar Perbandaran Negara Kedua, PLANMalaysia, 2016

Peningkatan Pemilikan Kenderaan



Sehingga Jun 2017, jumlah kenderaan berdaftar di Malaysia berjumlah 28.2 juta berbanding 20.2 juta pada tahun 2010. Peningkatan sebanyak 28.4%.

Bagi tempoh Jan – September 2018 sahaja, terdapat pertambahan sebanyak 454,971 unit pemilikan kenderaan berdaftar di Malaysia.

Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan) sahaja mencatatkan pemilikan kenderaan tertinggi iaitu 6.3 juta diikuti Johor (3.6 juta), Selangor (2.9 juta) dan Pulau Pinang (2.6 juta).

Sumber: Malaysian Automotive Association- September 2018

Pemeliharaan Alam Sekitar



Suhu di Malaysia telah meningkat sebanyak 0.18 darjah celsius setiap dekad sejak tahun 1951.

Fenomena kenaikan paras air laut juga merupakan satu cabaran baru.

Sumber: Dasar Perbandaran Negara Kedua, PLANMalaysia, 2016